

Bil. S 2

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (1998) (BIL. 2), 1998**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, dua ratus enam puluh lima juta, sembilan ratus tujuh puluh sembilan ribu dan dua ratus tiga puluh ringgit (\$3,265,979,230.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1998), 1997 ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu juta, dua ratus sepuluh ribu ringgit (\$1,210,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 1), 1998 ;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak lapan juta ringgit (\$8,000,000.00) ;

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut :-

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1998) (Bil. 2), 1998.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang selanjutnya yang tidak melebihi lapan juta ringgit (\$8,000,000.00) daripada Kumpulanwang Yang Disatukan adalah dengan ini dibenarkan. Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 1998.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual. Memperuntukkan.

#### JADUAL

| Tajuk     | Gelaran                                       | Jumlah Yang Diperuntukkan |
|-----------|-----------------------------------------------|---------------------------|
|           | KEMENTERIAN KESIHATAN                         |                           |
| S.M2      | Kementerian Kesihatan                         |                           |
| 2         | Lain-Lain Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang |                           |
| 2-006-001 | Ubat                                          | \$8,000,000.00            |
|           |                                               | <u>\$8,000,000.00</u>     |

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Ramadan, 1419 Hijrah bersamaan dengan 23 haribulan Disember, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM